

Elak bertindak perkauman: KPN

BH-22/9/2006

Musa mahu pengendali kes jenayah berkecuali

Oleh Saufi Hamzah

GEORGETOWN: Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan mengingatkan anggota polis supaya tidak memandang warna kulit apabila mereka mengendalikan kes jenayah dan penjenayah di negara ini.

Katanya, mereka tidak boleh bertindak hanya berdasarkan etnik atau wujud kecenderungan berat sebelah, sebaliknya perlu berkecuali dalam menguatkuasakan undang-undang dan peraturan.

"Ia persoalan penting untuk ditimbulkan kerana apabila seorang ahli daripada satu komuniti dalam masyarakat kita melakukan jenayah terhadap ahli komuniti lain sama ada bersendirian atau dalam kumpulan, rasa marah meluap-luap dan emosi meningkat.

"Jenayah kecil boleh menyebabkan perasaan berbau perkauman yang menerima lebih banyak publisiti daripada sepatutnya. Keadaan sebegini sering mengganggu siasatan polis dan mengalihkan perhatian.

"Setakat ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) sudah mempunyai pendekatan yang diterima baik dalam mengendalikan rusuhan kaum dan kita

“*Kegagalan hargai tugas disebabkan polis tidak dekati masyarakat dengan cara berkesan”*

Musa Hasan
Ketua Polis Negara

mesti terus memastikan tradisi ini tidak tercemar," katanya pada Forum Jenayah dan Kepolisian di Malaysia di Pusat Pengajian Seni Universiti Sains Malaysia (USM), di sini, semalam.

Teks ucapannya bertajuk Adakah Jenayah Mengenal Warna Kulit? Pendekatan Pelbagai Kaedah dalam Pencegahan Jenayah itu dibacakan Timbalan Pengarah (1) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Mohd Mokhtar Hassan.

Musa berkata, sebahagian daripada tanggapan salah yang wujud hari ini dalam masyarakat mengenai polis berhubung kegagalan menghargai tugas dilaksanakan dan kekangan dihadapi.

Katanya, kegagalan itu disebabkan PDRM tidak mendekati masyarakat dengan cara berkesan.